

19 MAY 1997

ANWAR AKAN SAMPAI UCAP UTAMA PADA PERSIDANGAN MINYAK DAN GAS '97

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan merasmi dan menyampaikan ucapan utama pada pameran dan persidangan tahunan kali kedua minyak dan gas Asia (AOGC) 1997 di sini pada 9 Jun.

Mengumumkan demikian hari ini, presiden Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) Mirzan Mahathir berkata persidangan dua hari itu, bertemakan "Asia: Bersedia Untuk Alaf Akan Datang" dianjurkan oleh ASLI dan Conference Connecting Inc, manakala Petrolia Nasional Bhd (Petronas) bertindak sebagai tuan rumah.

Beliau berkata 30 tokoh industri minyak dan gas dari dalam dan luar negeri akan turut menyampaikan buah fikiran merangkumi 16 tajuk berkaitan hala tuju masa depan, persoalan-persoalan strategik dan cabaran yang dihadapi industri itu di Asia Pasifik.

Persidangan itu akan menghimpunkan pemain-pemain utama dalam industri minyak dan gas yang akan memperkatakan tentang persoalan membabitkan ekonomi, peraturan kerajaan, proses menghapuskan kawalan, kedapatan bekalan serta hala tuju mada depan industri petroleum.

"AOGC 97' akan menjadi forum perdana untuk syarikat-syarikat berinteraksi, membincangkan persoalan bersama dan bidang-bidang untuk kerjasama dan memupuk perikatan strategik yang baru," katanya pada satu persidangan berita.

Katanya untuk memastikan upacara itu, iaitu yang besar dan utama di rantau ini, bermutu tinggi dan berjalan lancar, penganjur telah melantik panel penasihat enam anggota dan majlis pengurusan lapan anggota.

Anggota panel penasihat ialah pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin, Setiasaua di Kementerian Petroleum & Gas India Dr Vijay Kelkar, pengerusi Petroleum Authority of Thailand (PTT) Sivavong Changkasiri, presiden Philippines National Oil Co (PNOC) Raul Manglapus, pengerusi PETROVIETNAM Dr Ho Si Thoang dan pengerusi Singapore Petroleum Co Ltd (SPC) Tan Boon Teik.

Majlis pengurusan terdiri daripada presiden dan ketua eksekutif Petronas Datuk Mohd Hassan Marican, pengarah program sumber, East-West Centre, Dr Fereidun Fesharaki, pengerusi dan ketua eksekutif Shell Malaysia Ltd Megat Zaharuddin Megat Mohd Noor, pengerusi Institut Ekonomi Tenaga Indonesia Prof Dr Subroto, pengarah Institut Ekonomi Tenaga Jepun Dr Tsutomu Toichi, pengerusi dan ketua eksekutif Esso Malaysia Philip J. Dingle, penasihat Institut Ekonomi Tenaga Korea Dr Hoesung Lee dan presiden Conoco Asia Pacific Sdn Bhd Paul W. Lashbrooke.

Menurut Mirzan lebih daripada 400 peserta dari seluruh dunia telah mendaftar untuk mengikuti persidangan itu.

"Seperti AOGC tahun lepas, kebanyakan yang mendaftar adalah dari Eropah," katanya. -- BERNAMA

RIZ SIA